

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
SHIPS CLASSIFICATION MALAYSIA SDN BHD

OLEH

SYAIFUL EDHAM BIN ABD KARIM  
SARJANA MUDA PENGURUSAN ( MARITIM )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA

JABATAN PENGURUSAN MARITIM  
FAKULTI PENGAJIAN MARITIM DAN SAINS MARIN  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
( KUSTEM)

2006



**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
SHIPS CLASSIFICATION MALAYSIA  
SDN. BHD.**

**oleh,  
SYAIFUL EDHAM BIN ABD KARIM  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(MARITIM)**

**LAPORAN LATIHAN INDUSTRI  
DISERAHKAN KEPADA:**

**FAKULTI PENGAJIAN MARITIM DAN  
SAINS MARIN  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN  
TEKNOLOGI MALAYSIA  
2006**

# PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya Syaiful Edham Bin Abd Karim mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengajian Maritim Dan Sains Marin (FMSM), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan,



Nama: **SYAIFUL EDHAM BIN ABD KARIM**

Tarikh: \_\_\_\_\_

Disahkan Oleh:



PROF. MADYA DR. SAHARUDDIN DATO' ABDUL HAMID  
Penyelia KUSTEM  
b/p Pengurus Latihan Industri  
Fakulti Pengajian Maritim Dan Sains Marin  
KUSTEM

## **PENGHARGAAN**

**Assalamualaikum WBT,**

Syukur pelatih ke hadrat Allah swt. kerana dengan limpah dan kurnianya pelatih telah diberi kekuatan dari segi mental dan fizikal untuk menjalani latihan industri di Ships Classification Malaysia Sdn. Bhd. Terlebih dahulu pelatih ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Saharuddin Dato' Abdul Hamid selaku Penyelia Latihan Industri yang telah banyak memberikan nasihat kepada pelatih dalam usaha menyiapkan laporan akhir industri ini.

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan juga ditujukan kepada pihak Ships Classification Malaysia Sdn. Bhd. kerana sudi memberi peluang kepada pelatih untuk menjalankan latihan praktikal selama 12 minggu serta tidak jemu memberi bimbingan kepada pelatih sepanjang tempoh latihan industri ini. Selain itu, pelatih juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada individu yang telah banyak membimbing pelatih semasa menjalani latihan industri ini.

1. Tuan Haji Jamil Bin Murshid ( Pengarah Urusan )
2. En. Rosidi Bin Puteh ( Pengurus Besar )

3. En. Nazli Bin Abd Ghani (Eksekutif Pentadbiran)
4. Leftenan Komander Hassan ( Assesor Pengawalan Maritim )
5. En. Khairul Muzzamil (Pengurus Senior Penyelidikan dan Pembangunan)

Selain itu, terima kasih juga kepada semua kakitangan SCM kerana sudi memberikan kerjasama yang tidak berbelah bahagi kepada pelatih. Segala kerjasama dan pertolongan yang telah diberikan telah memudahkan pelatih untuk menjalankan latihan industri dengan sebaik yang mungkin.

## ISI KANDUNGAN

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Pengesahan Keaslian Laporan	i
	Penghargaan	ii
	Isi Kandungan	iii
	Ringkasan Eksekutif	vi
<b>BAB SATU : PENGENALAN</b>		
1.1	Latar Belakang	1
1.2	Profil Syarikat	3
1.3	Peranan SCM	5
1.4	Kekuatan Organisasi	6
1.5	Sokongan Teknikal	7
1.6	Carta Organisasi	8
1.7	Fungsi Jabatan	9
1.7.1	Jabatan Pentadbiran	9
1.7.2	Jabatan Kewangan	9
1.7.3	Jabatan Teknikal	10
1.8	Aktiviti Syarikat	11
1.9	Sijil Kelas dan Statutari	13
1.9.1	Pengeluaran Sijil Kelas	13
1.10	Pemeriksaan Kelas dan Statutari	14

1.10.1	Pemeriksaan Tahunan	14
1.10.2	Pemeriksaan Pertengahan	16
1.10.3	Pemeriksaan Pembaharuan	16
1.10.4	Pemeriksaan Bawah kapal	17
1.10.5	Pemeriksaan <i>Tailshalf</i>	17
1.10.6	Pemeriksaan <i>Boiler</i>	18
1.11	Pengauditan Sijil ISM dan ISPS	18
1.12	Kemahiran Yang Ingin Dipelajari	19
<b>BAB DUA : MENGENAL PASTI SISTEM SEDIA ADA, MASALAH DAN PENYELESAIAN MASALAH</b>		
2.0	Pengenalan	20
2.1	Sistem " <i>Renewal Class Survey</i> " ( <i>Onboard</i> )	
2.1.1	Pengenalan	21
2.1.2	Prosedur kerja	22
2.1.3	Rajah Sistem	24
2.1.4	Mengenal pasti Masalah	25
2.1.5	Cadangan Penyelesaian	25
2.2	Sistem <i>Survey</i> kapal sedia operasi ( <i>overall</i> )	
2.2.1	Pengenalan	27
2.2.2	Prosedur Kerja	27
2.2.3	Rajah Sistem	30
2.2.4	Mengenal pasti Masalah	31
2.2.5	Cadangan Penyelesaian	32
2.3	Sistem Kelulusan Pelan	



<b>2.3.1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>34</b>
<b>2.3.2</b>	<b>Prosedur Kerja</b>	<b>35</b>
<b>2.3.3</b>	<b>Rajah Sistem</b>	<b>37</b>
<b>2.3.4</b>	<b>Mengenal pasti Masalah</b>	<b>38</b>
<b>2.3.5</b>	<b>Cadangan Penyelesaian</b>	<b>38</b>

## **BAB TIGA : PENUTUP**

<b>3.1</b>	<b>Rumusan Dan Cadangan Keseluruhan</b>	<b>39</b>
------------	---	-----------

<b>RUJUKAN</b>		<b>41</b>
----------------	--	-----------

## RINGKASAN EKSEKUTIF

**Ships Classification (Malaysia) Sdn. Bhd** merupakan satu-satunya Badan Pengklasifikasi kapal milik tempatan yang beroperasi di Malaysia. Keadaan ini merupakan kelebihan syarikat ini untuk memasarkan produk perkhidmatannya dan mampu bersaing dengan Badan Pengklasifikasi yang lain beroperasi di Malaysia

Sebagai Badan Pengklasifikasi kapal, SCM menetapkan peraturan-peraturan untuk kapal dibawah pengklasifikasiannya dengan menggunakan Undang-undang Pengklasifikasi (Classification Rules) selaras dengan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh *International Maritime Organization (IMO)* dan *International Association of Classification Societies (IACS)*.

Pelatih berkesempatan untuk membuat latihan industri selama dua belas minggu di syarikat ini, sepanjang tempah latihan pelatih ditempatkan di Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan. Pelatih diberi tugas untuk membuat kertas kerja yang bertajuk "*Classification Approach and Concept in Maintenance of Government Crafts*". Kesempatan ini digunakan oleh pelatih untuk mengkaji sejauh mana kepentingan Badan Pengklasifikasi dalam perkembangan industri maritim di Malaysia dan seterusnya mengkaji pengurusan dan sistem kerja yang digunakan oleh SCM untuk menguruskan pemiagaannya.

Dari pemerhatian pelatih, segala urusan pemiagaan dan syarikat berjalan dengan baik. pengurusan pentadbiran dan kewangan syarikat diuruskan dengan baik oleh pekerja. Kebajikan dan hak pekerja sentiasa dijaga dengan baik oleh pihak syarikat.

Sistem pengurusan data SCM diurus dan ditadbir dengan baik oleh pekerja. Semua data kapal dibawah pengelasan SCM disimpan dalam *Ships Data Base* untuk dimana penggunaan sistem ini amat mudah dan berkesan dalam urusan memasukkan data dan mengemaskini data. Pengurusan sistem kerjanya berjalan lancar kerana SCM mempunyai pekerja yang berkemahiran dan berpengalaman dalam bidang pengelasan kapal.

Walaupun bagaimanapun, disebalik kecekapan SCM mengendalikan pemiagaannya terdapat beberapa kelemahan dan masalah yang dikenalpasti sepanjang

tempoh pelatih menjalani latihan industri di syarikat ini terutamanya di Jabatan Teknikal. Kelewatan memproses permohonan untuk *suvey* kapal menyebabkan berlakunya pertindihan permohonan untuk survey kapal.

Disamping itu, berlakunya kekurangan pekerja dibahagian pentadbiran yang menyebabkan pekerja dibebani oleh kerja diuar bidang kuasanya dimana setiausaha syarikat terpaksa memikul tanggungjawab sebagai penyambut tetamu dan menjadi kerani di Jabatan pentadbiran.

Justeru itu, kelemahan dalam Jabatan Teknikal perlu ditangani dengan kadar segera kerana Jabatan ini merupakan tunjang kepada perniagaan yang dijalankan oleh SCM. Implikasi daripada masalah yang berlaku dalam SCM boleh memberikan impak yang negatif kepada syarikat seterusnya boleh menjejaskan imej syarikat.